

11/10/1999

Dasar Malaysia terhadap Israel tidak berubah

Jamhariah Jaafar

APABILA memperkatakan mengenai Israel, sekali gus ia menggambarkan kebencian di hati umat Islam terhadap kekejaman dan perasaan tamak haloba Yahudi. Kaum Yahudi sentiasa berusaha untuk membesarkan wilayahnya dengan mengambil alih kawasan di negara sekelilingnya.

Pencerobohan wilayah oleh Israel bukan saja membabitkan Palestin yang kini terus berjuang untuk mendapatkan kembali kawasannya terutama Baitulmaqdis, malah negara Yahudi itu turut menimbulkan masalah sempadan dengan Syria dan Lebanon.

Walaupun kewujudannya diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pengiktirafan itu tidak menyeluruh, malah Israel masih perlu mematuhi beberapa Resolusi PBB membabitkan pencerobohannya ke atas negara lain.

Bagi rakyat Malaysia, perasaan tidak dapat menerima Israel, walaupun tidak pernah terbabit secara langsung dengan sebarang pergolakan atau peperangan dengan negara itu, tindakan Israel yang mewakili golongan Yahudi adalah musuh tradisi - kebencian hadir tanpa dipaksa.

Justeru, sebarang isu membabitkan Israel sering dianggap sebagai sensitif dan semua pihak termasuk kerajaan begitu berhati-hati dan sedaya mungkin untuk tidak menjalin sebarang hubungan dengannya. Bagaimanapun, dalam mengharungi kehidupan global atau lebih dikenali sebagai dunia tanpa sempadan, tanpa dapat dikawal hubungan 'tidak sengaja' kadang kala terjalin.

Kali pertama Malaysia terbabit dalam hubungan tidak diingini ini ialah apabila skuad kriket kebangsaan Israel hadir di Malaysia di pertandingan trofi Majlis Kriket Antarabangsa pada April 1997, apabila lebih 150 orang melakukan perhimpunan haram anti-Israel di depan pintu masuk ke Universiti Malaya (UM).

Hubungan yang hampir tidak wujud sama sekali antara Malaysia dengan Israel juga pernah mengalami ketegangan apabila Kongres Yahudi Sedunia (WCJ) menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dituduh bersikap anti-Sematik atau anti-Yahudi apabila dipetik sebagai berkata kerajaan mengesyaki kumpulan Yahudi mempunyai agenda menyekat kemajuan Islam dan kegiatan spekulasi mata wang yang menurunkan nilai ringgit ketika Malaysia dilanda kegawatan ekonomi yang serius pada Mac, tahun lalu.

Perdana Menteri bagaimanapun menafikannya dengan berkata kenyataannya disalah tafsir, dengan memberi penjelasan kepada WCJ bahawa beliau tidak nampak sebarang faedah untuk berkelahi dengan sesiapa pun, termasuk orang Yahudi.

Baru-baru ini, isu Israel timbul lagi. Kali ini dicetus oleh akhbar Pas, Harakah, yang menyiarkan melalui muka depannya laporan mengenai pertemuan tidak rasmi antara Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dengan Menteri Luar Israel, David Levy, ketika mereka menghadiri Perhimpunan Agung PBB di New York.

Pas yang menganggap pertemuan Syed Hamid dan Levy itu sebagai memalukan rakyat Malaysia, bagaimanapun tidak mendapatkan sebarang penjelasan terlebih dulu daripada Wisma Putra mengenai keadaan sebenar. Dengan terus membuat kesimpulan sendiri yang memberi gambaran bahawa pertemuan itu diadakan dalam keadaan baik dan semangat setiakawan, akhbar lidah rasmi Pas itu ternyata melakukan satu pembohongan besar dan secara langsung cuba membakar semangat kebencian rakyat terhadap pemerintah.

Menyedari kebencian itu boleh disemarakkan dengan cepat, Syed Hamid, sebaik saja tiba di tanah air Jumaat lalu, terus mengadakan satu sidang akhbar untuk memberi penjelasan. Beliau sanggup meletak jawatan sekiranya rakyat mendapati pertemuan yang tidak dirancang serta tidak dapat dielakkan itu, dilakukan dengan penuh rela.

"Sekiranya ada sesiapa yang perlu disalahkan dalam hal ini, saya rela dipersalahkan," katanya yang berkali-kali menegaskan Malaysia tidak akan melakukan sebarang perubahan dasar mengenai Israel sehingga negara itu mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB yang memerlukannya menyelesaikan isu sempadannya dengan Syria dan Lebanon, serta isu Al Quds Al Sharif atau Baitumaqdis.

Peristiwa kali ini bermula dengan pemilihan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB pada awal tahun ini. Kehadiran dengan status penting menyaksikan Malaysia menjadi antara tumpuan delegasi daripada pelbagai negara untuk mengadakan rundingan yang mencakupi semua perkara. Kebanyakan pertemuan antara Syed Hamid sebagai wakil Malaysia itu dilakukan dalam suasana tidak rasmi.

Justeru, apabila ada permintaan dari Israel untuk bertemu, Syed Hamid berkata, Malaysia berasa sukar untuk menolak kerana kedua-dua negara yang hadir di New York, sudah tentu tidak dapat mengelak daripada bersua muka.

"Jadi sebagai negara anggota Majlis Keselamatan, saya terpaksa menerima permintaan itu. Tetapi sejak awal lagi, Levy yang hanya pandai berbahasa Arab, Perancis dan Hebrew, yang banyak bercakap.

"Saya pula menggunakan peluang itu untuk sekali lagi menegaskan pendirian Malaysia mengenai Israel dan betapa mereka perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Resolusi Majlis Keselamatan.

"Saya tegaskan bahawa Israel jangan bercita-cita untuk menjalin hubungan dengan kita selagi mereka tidak mematuhi syarat yang dikenakan.

"Saya juga katakan Malaysia tidak boleh membuat sebarang hubungan dengan Israel kerana ia adalah isu sensitif di sini. Sebarang bentuk hubungan dengan negara itu hanya akan timbul salah faham dan boleh diputar belit oleh golongan tertentu," katanya.

Levy bagaimanapun katanya, terperanjat dengan pendirian tegas Malaysia kerana menolak sebarang usaha untuk merapat hubungan kedua-dua negara. Tetapi itu tidak menyekatnya daripada untuk terus memohon supaya sekurang-kurangnya Malaysia setuju untuk menjalin sebarang ikatan tidak rasmi seperti dalam bidang teknologi atau perdagangan.

"Saya dengan tegas berkata, Malaysia tidak mungkin dan tidak boleh membuat sebarang hubungan dengan Israel kerana kita tidak mahu mencetuskan sebarang perasaan tidak puas hati atau salah faham di kalangan rakyat negara ini yang memang tidak boleh menerima sebarang bentuk hubungan dengan Israel.

"Levi dengan air muka yang terperanjat berkata dia tidak faham pasal apa negara yang berperang dengan dia dan ada pertalian wilayah seperti Palestin, Syria dan Lebanon masih boleh mengadakan perbincangan rasmi dan tidak rasmi. Malah, dia bertanya adakah Malaysia sebuah negara yang lebih Islam daripada negara Islam yang lain," kata Syed Hamid.

Bagaimanapun, Syed Hamid gembira kerana pertemuan itu didedahkan sekarang kerana ia memberi peluang kepadanya untuk memberi penjelasan mengenai kedudukan sebenar.

"Selepas terlalu kerap mendengar isu itu disuarakan di Parlimen dan kemudian di PBB, saya rasa ini adalah peluang terbaik untuk saya menghadapi orang yang selama ini kita tidak sukai dan menyuarakan pendirian.

"Bagi saya, tidak ada salahnya untuk menyuarakan pandangan kerana ini adalah perkara terbaik dan berkesan tanpa perlu digembar gemburkan, tetapi pada masa yang sama mereka pasti menerima mesej yang hendak disampaikan,"

katanya.

Justeru, Syed Hamid yakin rakyat Malaysia tidak akan menyalahkannya kerana tidak melepaskan peluang untuk meluahkan pendirian Malaysia terhadap kaum yang selama ini bersikap tidak adil, malah menyukarkan umat Islam untuk melawat Baitulmaqdis.

Katanya, pendekatan lebih jujur dan telus seperti itu selalunya dapat memenangi hati lawan seperti yang pernah dibuktikan oleh Rasulullah ketika menyebarkan ajaran Islam. Di samping itu katanya, Allah juga pernah menyuruh Nabi Musa untuk bertemu dan menasihati Firaun untuk kembali ke pangkal jalan, bukannya mencaci atau memutarbelitkan keadaan sehingga boleh mencetus perasaan tidak puas hati dan kekecewaan di hati rakyat, seperti yang dilakukan Pas.

"Perkara ini menjadi lebih besar sebab Pas memainkan isu ini, memutarbelitkan kebenaran seolah-olah ada perubahan dasar oleh kerajaan. Apa yang mereka lakukan adalah pembohongan semata-mata untuk mencari peluang politik, sedangkan pendirian kerajaan adalah untuk menegakkan kebenaran dan keadilan," katanya.

Beliau berkata, sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap hubungan dengan dunia luar. Wisma Putra terpaksa membuat hubungan dengan pelbagai pihak, hanya untuk mendapat perkembangan terkini dan melaporkannya kepada Kabinet. "Kami tidak mengharapkan populariti, tetapi kami melakukan kerja yang boleh mendatangkan manfaat. Saya juga perlu berjumpa dengan bermacam-macam orang termasuk golongan pemberontak dan pihak penentang. Tetapi kami tidak mahu publisiti, kerana maklumat yang diperoleh adalah perlu terutama bagi menghadapi hubungan luar pada masa depan.

"Tugas utama kita ialah perlu tahu macam mana hendak membentuk dasar luar, apa yang akan berlaku jika semua masalah seperti di Asia Barat selesai ... bagaimana hubungan diplomatik hendak dibentuk sekiranya kejadian itu berlaku. Semua itu perlu dirancang dan tidak semuanya perlu didedahkan untuk pengetahuan umum," tegasnya.

(END)